

MENGETENGAHKAN GAYA HIDUP MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL MELALUI PENDEKATAN SENI BINA LANDSKAP DI ISTANA LAMA SERI MENANTI

Muhamad Muhamad Zulkarnaen Mohd Zaine
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
Tel: +6011-11449907 Email: zulkarnaenzaine@gmail.com

Noor Azizi Mohd Ali
Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
Tel: +6012-6106175 Email: ziziarch68@gmail.com

ABSTRAK

Pemeliharaan seni bina peninggalan masyarakat zaman dahulu merupakan salah satu usaha yang digerakkan oleh pelbagai pihak untuk memartabatkan warisan Melayu. Namun begitu, pemeliharaan ini banyak memberi perhatian kepada seni bina bangunan sahaja sedangkan sejarah taman dan hiasan landskap Melayu kurang diketengahkan. Ini memberi kesan kepada luntarnya kefahaman di antara hubungan sesuatu bangunan dengan kawasan sekeliling. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan gaya hidup masyarakat Melayu tradisional melalui pendekatan seni bina landskap di Istana Lama Seri Menanti. Istana ini dipilih kerana keagungannya sebagai antara istana kayu yang terbesar di dunia dan faktor kawasan sekeliling istana yang dipenuhi oleh bangunan tradisional seperti rumah, dan masjid. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti hubungan antara setiap ruang dalaman istana dan hiasan landskap di luarnya. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan data daripada pemerhatian tapak, temu bual mendalam bersama tiga responden, dan kajian perpustakaan. Kajian ini telah menghasilkan reka bentuk landskap berdasarkan interpretasi Taman Melayu. Kajian ini mengesyorkan agar lebih banyak lagi penyelidikan dan projek yang mengetengahkan kepentingan taman dan seni bina landskap dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kata Kunci: Istana Lama Seri Menanti, Gaya hidup, Melayu, Seni bina landskap, Tradisional

1. Pengenalan

Masyarakat Melayu terkenal dengan gaya hidup menyampaikan perlambangan dalam ciptaan. Perlambangan ini mewakili hubungan orang Melayu dengan Tuhan, alam, dan sesama manusia (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2003). Md Azalanshah et al. (2019) menyatakan bahawa landskap Melayu atau Taman Melayu adalah hasil interaksi antara orang Melayu dan alam. Taman menggambarkan kebijaksanaan masyarakat Melayu meraikan alam dalam kehidupan seharian. Begitu juga dengan Anisa Ani et al. (2012) menyebut Taman Melayu merupakan tanda kehidupan harmoni di antara alam semulajadi dengan masyarakat Melayu. Keharmonian ini diungkapkan melalui pembangunan rumah tradisional dan reka bentuk landskap di persekitaran. Menurut Abdul Razak (2015), reka bentuk landskap Melayu tidak dipelihara dengan baik. Usaha pemeliharaan warisan Melayu di Malaysia hanya ditumpukan kepada aspek seni bina bangunan sahaja. Natiyahnya, landskap kebudayaan masyarakat melayu telah hilang (Nor Zalina Harun et al., 2017). Ahmad Zamil et al. (2019) menegaskan bahawa landskap Melayu mestilah dipelihara dengan baik agar kebudayaan kaum ini boleh dipromosikan dan ia mampu menjadi sumber rujukan kepada generasi akan datang. Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk mengetengahkan gaya hidup masyarakat Melayu tradisional melalui pendekatan reka bentuk landskap di Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan. Istana ini dipilih kerana kekayaan budaya, seni dan gaya hidup yang ditafsirkan melalui fungsi ruang di dalam dan di luar istana. Hal ini mampu memberi gambaran jelas tentang sesuatu tujuan senibina yang dibangunkan oleh masyarakat tempatan dahulu. Keagungan Istana Lama Seri Menanti (Rajah 1) sebagai antara istana kayu yang terbesar di dunia juga mampu bertindak sebagai nadi utama untuk mempromosikan warisan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Faktor lain seperti konteks istana

yang dikelilingi oleh bangunan tradisional seperti rumah, surau dan kedai di perkampungan dapat menambahkan lagi informasi berkaitan sejarah kebudayaan masyarakat setempat. Skop kajian memfokuskan kepada ruang hadapan dan belakang istana kerana ruang-ruang ini sangat aktif dengan aktiviti harian. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti hubungan antara setiap ruang dalaman istana dan hiasan landskap di luarannya. Setiap hubungan yang dikenalpasti akan diterjemahkan dalam lukisan yang merupakan hasil interpretasi daripada landskap Melayu.



Rajah 1: Istana Lama Seri Menanti

Sumber: Penulis (2022)

2. Metodologi kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data kerana ia boleh memberi banyak maklumat untuk memahami kepercayaan, sikap, pengalaman, dan interaksi orang ramai (Pathak et al., 2013). Satu pemerhatian tapak telah dijalankan di Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan pada 09 Mac 2022 untuk mengenalpasti kedudukan Istana dan persekitarannya. Gambar setiap ruang dalaman dan luaran Istana telah direkodkan oleh telefon bimbit Iphone 13 Pro. Temubual bersemuka bersama Raja Nafida Raja Shahminan (ahli akademik), Ibrahim Abd Latif (Penduduk Seri Menanti sejak 1959), dan Abdullah Salleh (Ketua Kampung Tengah, Seri Menanti dari 2001 hingga 2018) telah diatitkan untuk mengumpul maklumat sejarah dan aktiviti-aktiviti di istana. Data daripada temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik. Penyelidikan ini juga memanfaatkan kajian perpustakaan sebagai data sekunder untuk menyokong kajian literatur. Maklumat asas berkaitan konsep Taman Melayu, fungsi ruang, hubungan di antara ruang dalaman dan luaran rumah atau istana Melayu telah dikenalpasti. Penyelidikan perpustakaan membantu penyelidik dalam melakukan triangulasi dapatan daripada pemerhatian dan sesi temu bual yang dijalankan.


2.1 Pemilihan sampel kajian

Jadual 1 menunjukkan sampel kajian yang terbahagi kepada dua ruang utama iaitu ruang hadapan, dan belakang.

Jadual 1. Sampel Kajian

Bil	Nama ruang	Jumlah
1	Ruang hadapan	1
2	Ruang belakang	1
Jumlah		2

Rajah 2, dan Rajah 3 menunjukkan lokasi sampel kajian di Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan.



Rajah 2: Pandangan ke arah ruang hadapan istana
Sumber: Penulis (2022)



Rajah 3: Pandangan ke arah ruang belakang istana


Sumber: Penulis (2022)

3. Perbincangan

3.1 Unsur, Fungsi dan Perletakkan Asas Landskap Melayu

Menurut Md Azalanshah et al. (2019), lima landskap keras yang menjadi asas dalam pembinaan Taman Melayu ialah rumah, pagar, wakaf, tempayan, dan kolam. Wakaf merupakan tempat berteduh dan kolam berfungsi sebagai tempat bersiram. Kolam kebiasaannya terletak di belakang istana dan digunakan oleh para wanita berdarah diraja untuk berhibur bersama dayang-dayang.


Bagi landskap lembut pula, penanaman pokok-pokok diaturkan mengikut fungsi setiap ruang di rumah Melayu yang terbahagi kepada tiga iaitu ruang hadapan, sisi dan belakang. Ruang hadapan kebiasaannya dipenuhi oleh tumbuhan berbunga dan wangi untuk mewujudkan suasana yang ceria. Keceriaan yang lahir daripada ruang ini penting untuk menyambut para tetamu yang hadir. Ruang sisi diisi oleh pokok bersaiz besar untuk memberi teduhan dan membentuk dinding penghadang manakala ruang belakang ditanam pokok berbuah dan herba yang berfungsi sebagai sumber masakan dan perubatan. Rajah 4 menunjukkan gambaran visual landskap Melayu yang terdiri daripada landskap keras dan landskap lembut.



Rajah 4: Lakaran visual landskap Melayu
 Sumber: Md Azalanshah et al. (2019)


3.2 Interpretasi reka bentuk landskap Melayu di Istana Lama Seri Menanti

Ruang hadapan




Rajah 5: Suasana di perkitaran taman yang menunjukkan kepelbagaian pokok berbunga dan wangi. Hubungan di antara pokok-pokok dengan para pelawat diperkukuhkan oleh laluan pejalan kaki

yang membuka kebebasan kepada mereka untuk berlegar, melihat, menghidu, dan menyentuh tumbuh-tumbuhan.



Rajah 6: Pembinaan wakaf telah menggandakan aktiviti di taman istana. Pengunjung mengambil kesempatan untuk berteduh sambil menikmati kecantikan alam. Peluang untuk berinteraksi dan berkenalan sesama pengunjung juga diwujudkan.

Ruang belakang



Rajah

7:



Pepohon berbuah menekankan fungsi ruang belakang istana.
Insan berehat alam memberi khasiat.



Rajah 8: Kemboja mengembang, Seroja menyerlah, dan Teratai teratur indah telah menyerikan suasana di kawasan kolam. Air dan tumbuh-tumbuhan yang tenang telah membuat manusia berasa senang.

4. Kesimpulan

Masyarakat Melayu zaman dahulu sememangnya bijak dalam menghargai alam semulajadi dalam kehidupan seharian. Setiap pemilihan pokok telah diaturkan secara teliti mengikut fungsi pokok dan ruang-ruang di kediaman mereka. Selain daripada tarikan estetika semata-mata, manfaat alam telah dieksploitasi kepada sumber perubatan, bahan masakan, kecantikan, dan kebersihan. Gabungan tumbuh-tumbuhan dengan landskap keras pula telah mewujudkan pelbagai aktiviti menarik yang membuka peluang kepada manusia untuk bersosial dan berhibur. Dalam kajian ini, tarikan reka bentuk landskap sedia ada di Istana Lama Seri Menanti boleh dipertingkatkan melalui aktiviti baharu seperti yang diinterpretasikan oleh penulis. Interpretasi ini bertujuan untuk melahirkan semula konsep Taman Melayu dan memperkenalkan gaya hidup masyarakat Melayu zaman dahulu kepada masyarakat Melayu terkini. Kajian ini berharap usaha pemeliharaan warisan Melayu mesti diketengahkan secara kreatif dengan meraikan kepelbagaian budaya dan seni Melayu.

5. Rujukan

- Abdul Rahman Al-Ahmadi (2003). *Tamadun Rumpun Budaya Melayu*: Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Abdul Razak, D. (2015, December 24). Save our vanishing kampung. *The New Straits Times*. Retrieved from <https://www.nst.com.my/news/2015/12/118833/save-our-vanishing-kampung>
- Ahmad Zamil Zakaria., Suriati Ahmad., & Nur Huzeima Mohd Hussain. (2009). The Concept of Malay Landscape. *SIMPORA X Proceeding, June 2020*. https://www.researchgate.net/publication/341805340_The_Concept_of_Malay_Landscape?enrichId=rgreq-b0236f17723640c99858a042e19f8379-XXX&enrichSource=Y292ZXJQYWdlOzM0MTgwNTM0MDtBUzo4OTc3NzI2MjI0NzExNjhAMTU5MTA1NzA4MTIyNw%3D%3D&el=1_x_2&esc=publicationCoverPdf
- Anisa, A., Noorizan, M., & Nordin, A. R. (2012). Socio-cultural influences in the composition of traditional Malay house compounds in rural Melaka. *Alam Cipta, International Journal of Sustainable Tropical Design Research and Practice*, 5(1), 63 – 78.
- Md Azalanshah Md Syed., Azizah Hamzah., & Halijah Ibrahim. (2019). Taman Melayu: Konsep dan Pelestariannya dalam Dunia Mod. *Akademika*, 89(2), 83–96. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8902-07>
- Nor Zalina Harun., Noor Aziah Mohd Ariffin., & Fadzidah Abdullah. (2017). Changes and Threats in the Preservation of the Traditional Malay Landscape. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 15 (4), 69 – 78
- Pathak, V., Jena, B., & Kalra, S. (2013). Qualitative research. *Perspectives in Clinical Research*, 4 (3), 192.